

PERMIT PERNIAGAAN EKSPO RAYA SUNGAI BESAR 2023

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

1. Borang permohonan **boleh didapati bermula RABU 25 JANUARI 2023**. Borang dijual pada harga RM 5.00 dan boleh didapati di kaunter Jabatan Pelesenan MDSB atau boleh dimuat turun di <http://mdsb.gov.my>. Pemohon mestilah warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, sihat tubuh badan dan tiada berpenyakit berjangkit.
2. Pemohon dikehendaki mengisi dengan lengkap borang permohonan dengan benar dan jelas. MDSB berhak menolak permohonan mana-mana borang yang tidak lengkap, tidak jelas atau mengelirukan.
3. Pengembalian borang permohonan adalah **tidak lewat JUMAAT 10 FEBRUARI 2023** di kaunter Jabatan Pelesenan MDSB. Wang cagaran hendaklah dijelaskan semasa pengembalian borang.
4. Terdapat 2 kategori tapak iaitu khemah 10' x 10' dan 20' X 20'. Seorang pemohon hanya boleh memohon 1 petak sahaja.
5. Kenaan bayaran adalah seperti berikut:

FI PERMIT				
Kategori Tapak	Cagaran	Standard	Deluxe	Premium
20 x 20	RM 1,000.00	RM 2,500.00	RM 3,000.00	RM 3,500.00
10 x 10	Rm 300.00	RM 625.00	RM 750.00	RM 875.00

6. Penentuan tapak niaga akan dibuat secara kaedah cabutan nama pemohon dan diikuti dengan cabutan nombor petak.

7. *Lokasi dan tarikh penentuan tapak niaga akan dibuat seperti ketetapan berikut:

Tempat/Waktu: Dewan Sri Bernam, Sungai Besar; 9:30 pagi

Tarikh: i. **Rabu 1 MAC 2023** - Tapak niaga khemah besar (20' x 20');
ii. **Khamis 2 MAC 2023** - Tapak niaga khemah kecil (10' x 10').

***Tertakluk pindaan. Pemohon akan dihubungi semula jika terdapat pindaan.**

8. Bayaran fi permit hendaklah dijelaskan pada hari yang sama nombor petak diperolehi. Sila bawa wang dengan secukupnya.
9. Permohonan pemulangan cagaran boleh dibuat oleh pemohon yang gagal mendapat tapak pada hari sama penentuan tapak dibuat.

Untuk pertanyaan, sila berhubung ke 0332241655/1000 sambungan 143/144/145 atau ke lesenMDSB@gmail.com

- *Urusetia Jabatan Pelesenan MDSB,
11 Januari 2023*